



KEM KEPIMPINAN PEMIMPIN MUDA SK UTAN AJI PERLIS

17 & 18 JULAI 2023

Program ini merupakan jalinan kerjasama di antara Sekolah Kebangsaan Utan Aji dan UiTM Cawangan Perlis yang telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Seramai 70 orang murid terdiri daripada pengawas sekolah dan pusat sumber serta Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) sekolah telah berjaya menjalani kem ini yang telah diadakan selama dua (2) hari (satu) 1 malam.

Matlamat dan objektif program latihan ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan para peserta dengan ilmu kepimpinan disamping memupuk semangat kerja berpasukan yang sihat dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan membangunkan semua aspek kemahiran insaniah (KI) dalam kalangan peserta. Pelbagai aktiviti dan modul diadakan sepanjang program ini seperti ceramah kepimpinan, komunikasi berkesan, *Built Up Confident*, memasang khemah dan *Explorace Campus*.

Program ini juga turut melibatkan seramai 20 orang pelajar badan beruniform Komander Kesatria dan pelajar Kursus Kemahiran Asas Fasilitator secara tidak langsung dapat memberi pendedahan serta mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari sepanjang semester. Turut membantu kakitangan di Unit Kokurikulum.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Encik Mohd Khairul Ab Razak, Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Perlis turut bersama Puan Aida Ahmad, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Utan Aji, Perlis, kakitangan Unit Kokurikulum, Guru-guru dan para Ibubapa

Disediakan oleh :

Puan Nur Aishah Zakaria

Pembantu Tadbir Kanan

